

Pentas 'The Voice' cunghkil bakat mahasiswa

4B 8.11.2018 B2

KOTA KINABALU: Exco Kebudayaan Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (Jakmas) Kolej Kediaman Tun Mustapha (KKTU) Universiti Malaysia Sabah (UMS) buat julung kalinya mengadakan pertandingan nyanyian 'The Voice' terbuka kepada semua pelajar UMS yang diadakan di Dewan Utama KKTU baru-baru ini.

Objektif utama pertandingan ini diadakan untuk mencunghkil bakat-bakat pelajar yang terpendam.

Dua kategori telah

dipertandingkan iaitu kategori solo dan duet yang disertai oleh 25 orang peserta.

Menurut Felo Kolej Kediaman Tun Mustapha, Norain Abdul Razak, pertandingan ini bukan sahaja memberi peluang kepada pelajar UMS untuk menyerlahkan bakat nyanyian mereka, malah pertandingan ini juga dapat mencipta bakat-bakat muda yang baharu.

"Pertandingan 'The Voice' ini merupakan satu platform yang baik untuk kita mencunghkil bakat-bakat terpendam dalam kalangan mahasiswa UMS.

"Kita mungkin terlepas pandang di dalam aktiviti PnP tapi acara seperti inilah yang dapat mengetengahkan bakat-bakat muda pada hari ini," katanya semasa merasmikan pertandingan itu.

Program ini turut dihadiri barisan Jakmas, felo dan juri jemputan diketuai oleh Sharif Zainal yang mengadili pertandingan kali ini.

Kategori solo dimenangi oleh Stephanie Soon Jia Sin (johan), Musfiffy Yani Musa (naib johan), Muhammad Hishamudin Raman (tempat ketiga) manakala kategori duet dimenangi oleh pasangan

Idzmah Shahdan Ataul Wadun (johan), Cleteo Morijohi dan Nur Akmal Edzuan (naib johan), Mairah dan Cristy (tempat ketiga).

Menurut pemenang kategori solo, Stephanie Soon Jia Sin, pertandingan 'The Voice' merupakan salah satu platform yang sangat membantu dalam mengembangkan bakat nyanyiannya.

Seramai 253 mahasiswa termasuk badan beruniform, asasi, awam dan residen kolej kediaman lain bersama barisan Jakmas turut menjayakan program berkenaan.



SESI bergambar bersama peserta dan pemenang The Voice KKTU.